

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 October 2015



KUALA LUMPUR 4 Okt.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan Selamat Hari Datuk dan Nenek kepada semua datuk serta nenek yang menyambutnya hari ini.

"Selamat Hari Datuk dan Nenek kepada semua yang mempunyai cucu. Anda merupakan sumber rahmat yang diwarisi setiap generasi," katanya melalui laman Facebook dan Twitter.

Kerajaan telah mengisytiharkan Hari Datuk dan Nenek disambut di negara ini pada Ahad pertama setiap Oktober, mulai tahun ini.

Sambutan yang diadakan bagi menghargai serta mengiktiraf pengorbanan dan peranan penting golongan berkenaan dalam memperkasakan institusi keluarga.